Pusat Sakit Saraf Diabetes

Teruskan membaca untuk mengetahui lebih lanjut mengenai sakit saraf diabetes

Apakah yang dimaksudkan oleh sakit saraf diabetes?

Adakah sakit saraf diabetes penyakit yang biasa?

Bagaimanakah rasanya sakit saraf diabetes?

Jangan abaikan kesakitan anda

Apakah yang membezakan sakit saraf daripada sakit-sakit yang lain?

Adakah anda mempunyai kenalan yang menghidapi sakit saraf diabetes?

Rujukan

Apakah yang dimaksudkan oleh sakit saraf diabetes?

Neuropati periferi diabetes (penyakit saraf) merupakan komplikasi yang biasa bagi pesakit diabetes.[1] Ia akan menyebabkan sakit saraf yang berterusan yang pada mulanya menyerang kaki dahulu, diikuti dengan tangan dengan cara "stokin dan sarung tangan."[1] Risiko untuk mendapat neuropati periferi diabetes atau sakit saraf diabetes semakin tinggi dengan peningkatan umur dan jika anda telah lama menghidapi diabetes.[2]

Punca utama neuropati periferi diabetes masih belum nyata.[3] Namun terdapat kajian yang menunjukkan bahawa mengawal tahap glukosa dalam darah sahaja tidak mencukupi untuk mencegah, menghentikan, mahupun menyembuhkan fungsi saraf yang telah rosak.[3]

Faktor-faktor yang menyebabkan kerosakan saraf dalam neuropati periferi diabetes termasuklah:[2]

Paras glukos dalam darah yang tinggi

Diabetes yang sudah lama dialami

Merokok

Pengambilan alkohol

Paras lemak darah yang tidak normal

Rentan yang diwarisi

Jika anda mempunyai diabetes dan mengalami sakit yang berterusan, anda perlu terangkan simptom anda kepada doktor.

Adakah sakit saraf diabetes penyakit yang biasa?

Jika anda mempunyai diabetes dan mengalami sakit yang berterusan, anda tidak berseorangan. Doktor anda pastinya mengetahui semua jenis kesakitan yang berkaitan dengan diabetes.

Berbincanglah dengan doktor anda tentang jenis rawatan yang paling sesuai untuk anda.

Neuropati periferi diabetes (DPN) menjejaskan 70% daripada pesakit diabetes seluruh dunia.[3]

Sekurang-kurangnya 1 daripada 4 pesakit diabetes mengalami sakit saraf diabetes.[4]

Dianggarkan 80% daripada pesakit diabetes merasai sakit yang sederhana kepada sakit yang sangat teruk.[5]

Bagaimanakah rasanya sakit saraf diabetes?

Sebilangan pesakit neuropati periferi diabetes (DPN) mengalami sakit saraf, namun ada juga yang tidak mengalaminya.[5] Kesakitan DPN menular secara perlahan, bermula dengan bahagian kaki dahulu diikuti dengan tangan.[1]

Kesakitan DPN sering digambarkan sebagai sakit seperti ditusuk, jarum dan pin, kepanasan, kesejukan, ditikam, berkaitan dengan diabetes.

Berbincanglah dengan doktor anda tentang jenis rawatan yang paling sesuai untuk anda.

Sekurang-kurangnya 1 daripada 4 pesakit diabetes mengalami sakit saraf diabetes.[4]

Dianggarkan 80% daripada pesakit diabetes merasai sakit yang sederhana kepada sakit yang sangat teruk.[5]

Bagaimanakah rasanya sakit saraf diabetes?

Sebilangan pesakit neuropati periferi diabetes (DPN) mengalami sakit saraf, namun ada juga yang tidak mengalaminya.[5] Kesakitan DPN menular secara perlahan, bermula dengan bahagian kaki dahulu diikuti dengan tangan.[1]

Kesakitan DPN sering digambarkan sebagai sakit seperti ditusuk, jarum dan pin, kepanasan, kesejukan, ditikam,

Jangan abaikan kesakitan anda

Sakit saraf boleh memberi kesan yang besar kepada kualiti hidup anda. Selain daripada sakit, kelewatan dalam merawatnya atau kesilapan dalam mendiagnosis komponen sakit saraf akan menjurus kepada gangguan kesihatan yang lain termasuk:[1]

Ulser kaki

Otot beransur-ansur menjadi lemah

Kemurungan

Gangguan tidur

Neuropati periferi diabetes yang tidak dirawat lama-kelamaan akan menjadi lebih teruk dan menyebabkan kerosakan kekal pada saraf.[7]

Terdapat rawatan yang khusus yang tersedia untuk sakit saraf diabetes. **Jika anda rasa anda mengalami sakit saraf diabetes, sila buat temu janji dengan doktor anda.**

Jika kesakitan anda tidak berkurangan, anda perlu dapatkan rawatan.

Jika anda mempunyai diabetes, anda perlu mengawal kesihatan anda. Pastikan diabetes anda diuruskawal oleh doktor anda dan/atau doktor pakar, dan pastikan paras glukos dalam darah anda terkawal. Jika diabetes anda tidak terkawal, anda mempunyai risiko untuk mendapat komplikasi termasuklah sakit saraf diabetes. Berbincanglah dengan doktor jika anda mengalami kesukaran untuk mengawal keadaan diabetes anda.

Apakah yang membezakan sakit saraf daripada sakit-sakit yang lain?

Sakit saraf berbeza dengan sakit-sakit yang lain kerana ia menjejaskan sistem saraf secara langsung.[8]

Biasanya, rasa sakit adalah cara sistem saraf memberitahu kita bahawa terdapat kerosakan di sebahagian tubuh kita. Hal ini dipanggil sakit nosiseptif. Berbeza dengan sakit nosiseptif, sakit saraf berpunca daripada penyakit atau kerosakan pada saraf itu sendiri. Sakit saraf juga dikenal sebagai sakit neuropati. Kedua-dua sakit nosiseptif dan neuropati boleh wujud bersama yang mana ia dikenal sebagai sakit 'campuran' (mixed pain).[8]

Pesakit saraf mengalami simptom seperti ditikam, ditembak, atau renjatan elektrik.[1] Simptom-simptom ini merupakan tanda kerosakan saraf dan mungkin tidak dirasai oleh kesakitan yang lain.[8]

Adakah anda mempunyai kenalan yang menghidapi sakit saraf diabetes?

Adakah anda kenal seseorang yang mempunyai simptom seperti sakit saraf diabetes? Jika ada, terdapat langkah-langkah praktikal yang perlu anda ambil bagi membantu mereka yang mengalami kesakitan yang berterusan itu.

Rujukan

1. Argoff CE, *et al.* Diabetic Peripheral Neuropathic Pain. Clinical and Quality-of-Life Issues. *Mayo Clin Proc.* 2006;81(Suppl 4):S3-S11.
2. National Institute of Diabetes and Digestive and Kidney Diseases. Diabetic Neuropathies: The Nerve Damage of Diabetes. Available at:https://www.niddk.nih.gov/health-information/diabetes/overview/preventing-problems/nerve-damage-diabetic-neuropathies. Accessed on 1st March, 2017.
3. Cakici N, *et al.* Systematic Review of Treatments for Diabetic Peripheral Neuropathy. *Diabet Med.* 2016;33(11):1466-76.
4. Gandhi RA, *et al.* Understanding and Treating Painful Diabetic Neuropathy: Time for a Paradigm Shift. *Diabet Med.* 2015;32(6):771-77.
5. Davies M, *et al.* The Prevalence, Severity, and Impact of Painful Diabetic Peripheral Neuropathy in Type 2 Diabetes. *Diabetes Care.* 2006;29(7):1518-22.
6. Freynhagen R, *et al.* Diagnosis and Management of Neuropathic Pain. *BMJ.* 2009;339:b3002.
7. Boucek P. Advanced Diabetic Neuropathy: A Point of No Return? *Rev Diabet Stud.* 2006;3(3):143-50.
8. Haanpaa ML, *et al.* Assessment of Neuropathic Pain in Primary Care. *Am J Med.* 2009;122(10 Suppl):S13-21.

PP-UPC-MYS-0059-23SEPT2021

Upjohn (Malaysia) Sdn. Bhd. (A Viatris Company)
(Formerly known as PF OFG Sdn. Bhd.)
Reg. No: 201801018158 (1280174-H)
Level 9-2, Wisma Averis, (Tower 2), Avenue 5,
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 603-2281 6000 Fax: 603-2281 6386
© 2021 VIATRIS – All Rights Reserved

VIATRIS